

Kastam tumpaskan kes seludup RM32 juta

S-H 30/06/08 MISA

- **JOHOR BAHRU** - Kastam Johor melalui bahagian pencegahannya berjaya mematahkan 255 kes penyeludupan dan penyelewengan, melibatkan rampasan pelbagai jenis barang bernilai RM32,967,594 bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini.
- Pengarahnya Mhd Subre Ishak berkata walaupun jumlah kes adalah rendah berbanding 263 kes yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lalu, ia melibatkan jumlah cukai yang lebih tinggi iaitu RM32,448,438 berbanding RM31,472,706 tahun lalu.
- "Analisis statistik menunjukkan komoditi utama yang diseludup atau dibawa masuk dengan cara menipu pada tahun ini adalah rokok iaitu bernilai RM5,864,974, diikuti oleh minuman keras (RM1,426,718), kenderaan (RM332,265) dan barangan logam (RM10,299,306)," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.
- Selain itu, terdapat sebanyak 381 kes yang tidak dibuka kertas siasatan di mana semua pesalah dikenakan kompaun yang tinggi.
- Jumlah kompaun yang dipungut ialah sebanyak RM943,093 berbanding RM997,595 bagi tempoh yang sama tahun lalu.
- Subre menyeru agar orang ramai membantu pihak Kastam untuk mencegah dan membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan yang boleh menyebabkan kebocoran hasil negara.
- Orang ramai boleh menghubungi Kastam negeri ini di talian 07-2181666 sekiranya mempunyai maklumat mengenai kegiatan tersebut. - BERNAMA